

UEM Edgenta Menerajui Amalan Perniagaan Beretika

Hari Integriti Tahunan Perbaharui Komitmen terhadap Ketelusan dan Tadbir Urus

KUALA LUMPUR, 17 Januari 2024 - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), sebuah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini, melangsungkan acara tahunannya, *Hari Integriti*, menandakan ikrar baharu Syarikat dalam memupuk budaya amalan perniagaan yang beretika dan telus.

Dengan bertemakan "Mencipta Semula Masa Depan Melalui Tadbir Urus Baik" (*Reinventing the Future Through Good Governance*), UEM Edgenta kini mengambil langkah strategik untuk menghidupkan semula komitmennya ke arah tadbir urus yang baik. Dirasmikan oleh YDH Dato' Sri Ayob Khan Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Polis Negara, acara itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta menggalakkan tingkah laku beretika di kalangan warga UEM Edgenta. Turut hadir bersama bagi menyaksikan acara tersebut adalah pihak berkepentingan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), *Rasuah Busters*, Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan juga SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS).

Berkongsi pandangan menerusi ucapan pembukaannya, Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta menyatakan, “Kami percaya bahawa integriti dan ketelusan adalah tunjang pertumbuhan yang mampan. Kekurangan kualiti ini bukan sahaja mendatangkan kemudarat kepada individu tetapi juga memberi kesan buruk kepada prestasi dan reputasi mana-mana syarikat, di mana lama kelamaan akan memberi kesan kepada kemampunan jangka panjang organisasi. Acara hari ini hanyalah satu daripada banyak inisiatif yang telah dirancang oleh Syarikat dalam usaha berterusan kami untuk mengukuhkan tadbir urus korporat dan budaya tingkah laku perniagaan yang bertanggungjawab. Di UEM Edgenta, komitmen kami terletak pada memperkuuh budaya integriti dan etika di seluruh organisasi. Tertanam dalam nilai teras Syarikat, prinsip ini mempunyai nilainya yang tersendiri, yang membimbing perniagaan dan operasi kami ke arah integriti yang tidak berbelah bahagi dan prestasi cemerlang. Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, kami bertegas bahawa semua usaha dan proses perniagaan kami mematuhi amalan tadbir urus korporat yang baik.”

Syahrunizam menekankan komitmen UEM Edgenta dalam memerangi rasuah melalui dasar toleransi sifar yang disokong oleh inisiatif seperti Dasar & Panduan Anti Rasuah & Anti Korupsi (*Anti-Bribery & Anti-Corruption* (ABAC)), dasar menangani konflik kepentingan dan platform pemberi maklumat (*whistleblowing*) yang mudah diakses.

Komitmen terhadap kelakuan beretika ini dilaksanakan melalui pembelajaran dan komunikasi berterusan, bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban di setiap peringkat.

Sebagai sebahagian daripada proses ke arah tadbir urus yang baik, UEM Edgenta telah berjaya memperoleh pensijilan ABMS 37001 (Sistem Pengurusan Anti Rasuah) yang dikeluarkan oleh pihak SIRIM QAS. Pengiktirafan ini disampaikan oleh Mohd Faisal Abdul Shukor, Ketua Pegawai Pemasaran Kumpulan, SIRIM Berhad, kepada Syahrunizam di acara tersebut.

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Laila Fatihah, Ketua, Komunikasi Korporat (wlanlaila@edgenta.com) / Ali Baizuri Razali, Pengurus, Perhubungan Media (alibaizuri@edgenta.com)

"Pencapaian pensijilan ABMS bukanlah satu pencapaian yang kecil buat kami di UEM Edgenta. Syabas kepada pihak Jabatan Risiko, Integriti & Pematuhan (RICD) UEM Edgenta yang telah menjadi nadi di sebalik usaha berterusan untuk mencapai pensijilan ini. Kesungguhan mereka telah memastikan organisasi ini diiktiraf kerana menjunjung piawaian tertinggi tadbir urus. Pengiktirafan ini bukanlah sekadar pensijilan, ia merupakan komitmen kami untuk masa depan yang bebas daripada rasuah, diterajui integriti," ulas Syahrunizam lagi.

Pensijilan ABMS 37001 dilancarkan di Malaysia berikutan permohonan pihak SPRM kepada Jabatan Standard Malaysia untuk menerima pakai ISO 37001 di negara ini. ISO 37001/ MS ISO 37001 adalah sistem kawalan dalaman secara sukarela bagi sesuatu organisasi mengurus, mengendalikan, menguatkuasa, menilai serta menambah baik langkah pencegahan rasuah dengan berkesan. Sistem ini boleh disesuaikan bagi membendung risiko rasuah yang dihadapi oleh mana-mana organisasi, dan direka bentuk untuk membantu organisasi menunjukkan kepada pihak berkepentingan bahawa pelaksanaan langkah dan inisiatif pencegahan rasuah yang mencukupi telah disediakan.

Mengukuhkan dedikasi bagi memerangi rasuah, UEM Edgenta berbesar hati mengalu-alukan *Rasuah Busters*, sebuah NGO anti-rasuah terkemuka, sebagai Rakan Sinergi. Kerjasama ini menandakan usaha bersama di antara kedua-dua organisasi dalam mempergiatkan inisiatif anti-rasuah sekaligus memberi manfaat kepada warga kerja UEM Edgenta dan orang awam dengan matlamat untuk memupuk budaya integriti dan kebertanggungjawaban melalui aktiviti yang disasarkan dan juga kempen-kempen kesedaran. Diasaskan dan diterajui oleh Dato' Hussamuddin Haji Yaacub, Penashiat, Kumpulan Karangkraf, *Rasuah Busters* bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia tentang isu rasuah melalui usaha sumber khalayak (*crowd sourcing*). *Rasuah Busters* menggalakkan rakyat menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa, serta berani melaporkan salah laku dan amalan rasuah.

Acara satu hari tersebut menyaksikan pelbagai aktiviti termasuk ceramah yang dikendalikan oleh wakil PDRM; Superintendant Nur Asrul Ariff melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk melindungi diri dan syarikat daripada ancaman jenayah siber yang kian meningkat. Manakala, ACP Siti Kamsiah Hassan membincangkan gangguan seksual di tempat kerja, memberikan pekerja pandangan dari segi undang-undang serta strategi bagi pencegahan.

Acara *Hari Integriti* UEM Edgenta tiba di kemuncak di dalam sebuah majlis kecil tetapi penuh makna, sekaligus memperhebatkan mesej tingkah laku beretika. Pelekat-pelekat kereta yang tertera dengan mesej memperkasakan "Speak Up" telah diedarkan dan dilekatkan pada kenderaan-kenderaan Syarikat. Pelekat ini kini berfungsi sebagai peringatan berterusan, melambangkan komitmen yang tidak berbelah bahagi bagi memupuk budaya di mana menyuarakan keimbangan dan mengambil pendirian menentang tingkah laku tidak beretika bukan sahaja digalakkan tetapi diraikan, memastikan bahawa komitmen terhadap kelakuan beretika diperluaskan di seluruh organisasi.

Komitded untuk memainkan peranan dalam membina masa depan yang lebih mampan untuk Malaysia, *Hari Integriti* UEM Edgenta dibina berdasarkan asas kukuh Syarikat dalam amalan

perniagaan beretika yang mengukuhkan komitmen UEM Edgenta untuk beroperasi dengan piawaian integriti, etika dan ketelusan tertinggi yang berfungsi sebagai platform berharga untuk penglibatan dan pembangunan pekerja.

UEM Edgenta terus memupuk budaya bercirikan integriti tanpa kompromi, kebertanggungjawaban yang tinggi dan kelakuan beretika. Komitmen ini memastikan masa depan yang lebih mampan untuk semua pihak berkepentingan. Untuk maklumat lanjut tentang UEM Edgenta dan inisiatifnya yang lain, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.